

AYI


NORMA BAHARU BEKERJA DI NIOSH BAGI FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)



EDITORIAL BOARD



JULY 2020 / eISSN 2672-7412



Nota JULAI 2020 PENGARAH EKSEKUTIF

Walaupun negara Malaysia telah memasuki fasa Perintah Pergerakan Kawalan Pemulihan (PKPP), namun kita harus berwaspada kerana situasi pandemik COVID-19 masih berada di persekitaran kita. Perjuangan membendung dan mengawal penularan COVID-19 ini perlu diteruskan. Semua pihak juga perlu memastikan keselamatan dan kesihatan diri keluarga serta rakan sepejabat diberi keutamaan.

Oleh itu khususnya di NIOSH segala usaha akan digandakan untuk memastikan persekitaran kerja mematuhi garis panduan dan ‘standard operating procedure’ (SOP) umum Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Penyesuaian (customization) telah dilaksanakan oleh NIOSH bagi menjayakan norma baharu ini.

Norma baharu ini mesti dibudayakan di tempat kerja bagi membendung penularan COVID-19 ini. Pihak NIOSH akan memastikan persekitaran kerja yang selamat kepada semua warga NIOSH serta para peserta, pelawat, kontraktor dan tetamu yang hadir. Maka dengan itu pemantauan akan dijalankan bagi memastikan persekitaran yang kondusif dan selamat bagi semua pihak untuk kembali bekerja dan bertugas dengan yakin dan selamat!

Haji Ayop Salleh
Pengarah Eksekutif
NIOSH



WRITERS

LUKMAN AL HAKIM MD NURI
Quality Management Division

MOHAMAD ANIZAN MOHAMMED AMIN
Technical expert III, ETDRD

ADVERTISING & MEDIA SALES

MOHD HUSSIN ABD SALAM
Manager of Business and Marketing Division
Email : bmd@niosh.com.my

RANJITHA A/P BALA
Executive of Business and Marketing Division
Email : bmd@niosh.com.my

PUBLISHER

NIOSH
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-8769 2100
Fax : 03-8926 2900
Email : general@niosh.com.my
Website : www.niosh.com.my

DESIGN & PRINTING

HAYS SYNERGY SDN BHD
No 50, Jalan PBS 14/3,
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan

NORMA BAHRU BEKERJA DI NIOSH BAGI FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

BUDAYA kerja norma baharu adalah cabaran yang perlu diadaptasi untuk pekerja dan majikan pasca Covid-19. Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah berakhir, itu tidak bermakna Malaysia benar-benar bebas daripada jangkitan COVID-19 di dalam masyarakat. Langkah-langkah pencegahan mesti dilakukan (terutamanya di tempat kerja) untuk mengurangkan dan membendung bagi menghentikan penyebaran jangkitan. Tanpa perancangan yang tepat dan betul untuk pencegahan, kita bermungkinan akan melihat lonjakan kes yang sekali lagi.

Oleh itu NIOSH telah mengambil satu langkah untuk mencegah virus COVID-19 ini dengan mengeluarkan satu Standard Operating Procedure (SOP) bagi norma baharu di NIOSH. Objektifnya adalah memastikan kakitangan NIOSH dan pihak berkepentingan (Pelanggan, Pelawat, Kontraktor, Pembekal, dan lain-lain) mematuhi keperluan yang berkaitan dengan norma baharu COVID-19. Selain itu, ianya juga bagi mencegah jangkitan virus ini akhirnya dapat menghentikan penyebaran jangkitan virus tersebut kepada orang sekeliling. Dengan adanya SOP ini, ia mampu memupuk kakitangan dan pihak berkepentingan dengan budaya norma baharu di tempat kerja.



SOCIAL DISTANCING

Langkah-langkah utama untuk norma baharu bagi mengurangkan risiko pendedahan pekerja kepada bahaya COVID-19 di NIOSH boleh dilihat seperti berikut:

- 1) Pemeriksaan saringan kesihatan setiap hari(pengukuran suhu badan, daftar rekod peribadi, saring kemasukan bukan warganegara).
- 2) Mempraktikkan penjarakan sosial di tempat kerja, di dalam bilik latihan dan sesi praktikal.
- 3) Sentiasa memakai pelitup hidung dan mulut ketika berada di dalam premis.
- 4) Kerap menggunakan hand-sanitizer apabila bersentuhan dengan objek atau orang lain.
- 5) Menjalankan proses nyahkuman (disinfection) di kawasan tempat awam, peralatan kursus dan kenderaan NIOSH.
- 6) Mengoptimalkan keperluan mengadakan lawatan ke premis pelanggan tugas luar dari premis NIOSH.

Aktiviti rutin yang selalu dilaksanakan di NIOSH semasa norma baharu adalah pemeriksaan suhu badan pada setiap hari dimana kakitangan NIOSH atau orang luar yang memasuki premis NIOSH perlu menjalani saringan kesihatan suhu badan oleh Pengawal Keselamatan Pondok Pengawal 1 dan 2 setiap kali masuk ke premis. Kakitangan/ peserta kursus/ kontraktor/ pelawat dan lain-lain tidak dibenarkan memasuki premis Sekiranya bacaan suhu badan mereka melebihi 37.5 c / 100 F. Kepada bukan warganegara, mereka perlu mengemukakan salinan keputusan swab test COVID-19 yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, NIOSH akan menjalankan proses nyahkuman di tempat – tempat yang sering digunakan oleh orang luar mahupun kakitangan seperti di dalam bilik latihan, lif, tandas, surau, tangga kecemasan, kenderaan NIOSH dan lain – lain lagi.





Bagi operasi latihan atau peperiksaan, NIOSH selalu menekankan bahawa setiap peserta kursus yang hadir mestilah menjalankan saringan kesihatan terlebih dahulu sebelum masuk ke bilik latihan. Sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah meluluskan setiap kelas yang menjalankan kursus dihadkan hanya 20 orang sahaja. Sesi minum pagi, makan tengah hari dan minum petang akan dijalankan di dalam kelas di meja masing - masing untuk mengelakkan peserta berhimpun di dalam Kafeteria.

Memang agak sukar untuk penerimaan norma baharu yang dilaksanakan di dalam premis NIOSH namun ianya adalah sesuatu yang normal kerana penyesuaian diri terhadap sesuatu yang baharu sememangnya memerlukan tempoh masa dan ia juga bergantung kepada tahap penerimaan seseorang individu.

Oleh itu, bagi meningkat kesedaran kepada kakitangan NIOSH dan orang awam, NIOSH telah membuat hebahan berkenaan dengan norma baharu di NIOSH dengan memasang banner, bunting, info grafik dan video yang berkaitan dengan norma baharu ini. Maka, diharapkan kepada kakitangan NIOSH mahupun orang awam yang berada di premis NIOSH mematuhi keperluan prosedur norma baharu di NIOSH.

#Normabaharu
#Kitajagakita



PROFESIONAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)

Profesion lebih mudah difahami sebagai pekerjaan. Profesional pula merujuk kepada individu yang melakukan pekerjaan tersebut sebagai suatu pekerjaan tetap dan sumber pendapatan utamanya. Profesionalisme adalah tahap kecekapan dan akauntabiliti yang seharusnya didukung oleh individu profesional tersebut.

Dalam konteks keselamatan dan kesihatan pekerjaan, jawatan pegawai keselamatan dan kesihatan (SHO) adalah satu profesi. Seseorang yang berjawatan sebagai SHO adalah seorang profesional. Contoh yang sama seperti seorang guru, doktor, jurutera dan seumpamanya. Namun masih ramai yang membataskan pengertian profesional hanya kepada beberapa profesi tertentu sahaja seperti arkitek, jurutera, doktor, peguam, akauntan dan seumpamanya.

Oleh kerana di Malaysia tiada badan khas yang berautoriti untuk membuat pengiktirafan profesional kepada SHO, maka satu usaha telah diambil untuk menuju ke arah ini. Pihak MSOSH yang terdiri dari pengamal-pengamal KKP yang pakar dan berpengalaman telah mengambil inisiatif membentuk kerangka laluan profesional KKP melalui pengiktirafan oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Satu usaha yang patut dipuji. Usaha ini juga timbul dari hasrat industri di dalam kajian yang dijalankan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

Antara kompetensi dan pengetahuan yang perlu ada pada SHO yang setara pengamal KKP antarabangsa seperti yang digariskan oleh Hale dan Frank (2006) ialah seperti berikut:

- a. Mengenal pasti masalah dan menjalankan analisa.
- b. Membangunkan dan melaksanakan penyelesaian KKP.
- c. Latihan, maklumat dan komunikasi.
- d. Kajian dan pemeriksaan.
- e. Prosedur kecemasan dan pemulihan.
- f. Tugas berkaitan pembangunan perundungan.
- g. Pengurusan pengetahuan.
- h. Pengurusan kewangan berkaitan KKP.

Serta yang amat penting juga adalah etika profesional. Etika profesional adalah nilai-nilai atau tingkah laku murni yang harus dihayati oleh individu mengikut profesi masing-masing. Ia menjelaskan tindakan-tindakan betul yang perlu diikuti dan tindakan-tindakan salah yang perlu dihindari. Tujuan etika diadakan adalah untuk mengekalkan integriti moral individu profesional!

Oleh:

Haji Shahronizam Noordin

Pengurus

Bahagian Penyebaran Maklumat (IDD)

NIOSH



MALAYSIA PERLUKAN ANDA!!: MENUNTUT SUMBANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) UNTUK SEMUA

Hasrat NIOSH untuk menjadi “Rakan Pilihan KKP Anda” kepada industri dan perniagaan di Malaysia, mendukung perlaksanaan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang akan menjadi pengukur dan menentukan tahap pematuhan KKP di tempat kerja.

Menerapkan konsep pembangunan rakan sebagai agen perubahan, **Malaysia Perlukan Anda!!: Menuntut Sumbangan**,

merupakan satu seruan kekitaan (#kitajagakita), memperkuuh dan menyokong pembangunan modal insan semua tenaga kerja di setiap peringkat bagi memacu ke arah menjadi sebuah negara maju, kerana setiap daripada anda merupakan permata negara menjadi sumber yang tidak ternilai milik negara yang boleh berkongsi pengetahuan, kepakaran dan bertindak balas dengan cepat untuk menghadapi cabaran dengan penyelesaian yang inovatif untuk menangani sebarang isu KKP.

NIOSH Malaysia terutamanya di Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) mempelawa dan menjemput pengamal KKP yang berpengalaman terutamanya Orang Yang Kompeten (OYK) semua industri untuk menyumbang kembali kepada negara, serta kami sebagai sebahagian daripada tenaga kerja yang menyumbang kepakaran sebagai Pengajar (*Trainer*), Penilai (*Examiner*) dan Perunding (*Consultant*) bagi menyampaikan penyelesaian berkesan di masa depannya, membantu industri Malaysia dalam mencapai rancangan perniagaan, matlamat dan sasaran mereka melalui pengurusan berkesan KKP di tempat kerja.

NIOSH yakin kepelbagaiannya latar belakang pengalaman dan industri akan menjadi kekuatan utama dan membawa manfaat yang besar sebagai usaha berterusan memaksimumkan sumber melalui kecekapan dan keberkesanan transformasi industri di dalam pembangunan dan pengurusan KKP di seluruh negara.

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (OSH)



Sertai Kami Sekarang :

Langkah-langkah

1. Layari laman sesawang NIOSH di www.niosh.com.my
2. Pilih Online Services
3. Pilih NIOSH Resources Management System
4. Pilih kepakaran bedasarkan pengalaman dan OYK anda

Untuk sebarang pertanyaan boleh emel ke training@niosh.com.my atau Whatsapp ke 0132224966.

Disediakan oleh:

Mohamad Anizan Mohammed Amin

Technical Expert III

Education, Training Department & Regional Office (Sabah dan Sarawak)

NIOSH Malaysia

SIRI 2: PENGURUSAN LATIHAN UNTUK PERNIAGAAN KELAZIMAN DAN ILTIZAM LATIHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)



Soalan:

Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh NIOSH?

Jawapan:

Perkhidmatan Pelaksanaan Latihan KKP yang diselaraskan oleh kakitangan latihan NIOSH yang terlatih kepada lebih 100,000 pekerja saban tahun.



Soalan:

Bagaimana perkhidmatan latihan dilaksanakan?

Jawapan:

Latihan diselaraskan oleh kakitangan latihan NIOSH yang berdedikasi dan cekap sepanjang tahun di 16 lokasi strategik dengan menggunakan program latihan yang diiktiraf serta dibangunkan secara sistematis dan disampaikan oleh jurulatih yang kompeten.



Soalan:

Mengapa NIOSH menawarkan perkhidmatan ini?

Jawapan:

Perkhidmatan pelaksanaan latihan yang diselaraskan oleh kakitangan latihan NIOSH merupakan usaha berterusan dalam menghasilkan pekerja (modal insan) yang berpengetahuan tentang hazard, berkemahiran dalam menaksir risiko, dan proaktif dalam mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan dengan langkah kawalan yang telah ditetapkan oleh majikan yang mematuhi perundungan dan sistem pengurusan KKP di tempat kerja.



"Objektif kita hadir bertugas saban hari, saban minggu, saban bulan dan saban tahun selagi khidmat kita diperlukan. Demi ketekunan, kerajinan dan disiplin."

TRAINING MANAGEMENT FOR BUSINESS ARTICLE SERIES BY EDUCATION AND TRAINING DEPARTMENT & REGIONAL OFFICE (ETD & RO)



SERIAL 1: COMMON TRAINING MANAGERIAL TASK

Training managers are specialist who help businesses by developing, facilitating and supervising training programs for employees. The managers identify the needs of a business by facilitating the workforce such as to carry out training and development plans and certainly to enhance training effectiveness. These tasks can be achieved by practicing the strategic management technique using the POLC framework and applies the principles of Planning, Organizing, Leading and Controlling (POLC) for training activities. The principles of management can be distilled down to four critical functions. These functions can be interpreted as the below:

- 1) Plan - Do it in line with organization policy, strategies, objectives, target set in supporting resource allocation last but not least plan according to direction & approval set by the management
- 2) Organize - Delegate & empower designated staff in supporting other division/department.
- 3) Lead - Be with the team and be seen as leading the pack.
- 4) Control - Be alert at all times, check all the indicators, intervene & take immediate action when necessary. Mitigate any shortcomings before anyone else.



NIOSH DAN RIA SOLUTIONS (M) SDN BHD MENJALINKAN KERJASAMA RASMI DI DALAM BIDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)

Paka, Terengganu: 18 Julai 2020 - National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) dan RIA Solutions (M) Sdn Bhd telah menjalinkan kerjasama rasmi di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Kerjasama antara kedua-dua pihak ini melibatkan program-program pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja bagi sektor minyak dan gas. Kolaborasi strategik ini memfokuskan usaha memberikan nilai tambah persijilan keselamatan dan kesihatan, perkongsian sumber dan aset latihan.

Pelbagai program aktiviti bersama juga telah dirangka bagi memberikan manfaat kepada golongan pekerja dan golongan belia di dalam usaha memberikan mereka ilmu KKP yang mampu mengurangkan potensi kemalangan dan penyakit pekerjaan serta ruang kerjaya mereka melalui kaedah upskilling, reskilling dan cross-skilling.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) di antara kedua- dua pihak telah diadakan dengan NIOSH diwakili oleh Tuan Hj Ayop Bin Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan Mejari (B) Hj Hanif Bin Maidin, Setiausaha Eksekutif NIOSH manakala pihak RIA Solutions (M) Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusan, YBhg Dato' Senu Bin Mohd Noor dan Pengarah Teknikal, En. Mohd Nizam Yaacob.

Majlis ini juga turut disaksikan oleh YB Datuk Wilson Ugak Kumbong, Pengerusi NIOSH yang dalam siri lawatan ke pejabat NIOSH Wilayah Pantai Timur di Kota Bharu (Kelantan), Kertih (Terengganu) dan Kuantan (Pahang).



SALAM DARI MALAYSIA TIMUR (SABAH & SARAWAK)

Seluruh warga kerja NIOSH Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada **YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong**, di atas perlantikan sebagai Pengurus NIOSH Malaysia yang baru berkuatkuasa mula 08 April 2020. Semoga NIOSH Malaysia akan terus maju di bawah kepimpinan baharu ini.

Jerayawara ke Malaysia Timur terpilih sebagai siri lawatan kerja rasmi pertama YB Datuk setelah dilantik menjadi pengurus NIOSH Malaysia. Jelajah kali ini beliau berkesempatan menyantuni kakitangan di lima pejabat yang bermula di Pejabat NIOSH Wilayah Sarawak (SWRO) iaitu **SWRO Bintulu** dan **SWRO Miri** pada 21-23 Jun 2020, disusuli dengan Pejabat NIOSH Wilayah Sabah (SBRO) iaitu **SBRO Labuan** dan **SBRO (Kota Kinabalu)** pada 23 – 26 Jun 2020 serta berakhir di **SWRO (Kuching)** pada 26 – 27 Jun 2020.

Oooohaaaaa ... Terima kasih laban udah ngenatai ke diri ngagai kami sekayu rumah ba NIOSH Wilayah Sarawak (Kuching, Bintulu & Miri), enggau penuh basa ngelalu ke penatai YB Datuk, kami berasai temegah ati laban YB Datuk milih nemuai ngagai menua Sarawak nyadi 1st Stop pengawa bejala!



AKTIVITI DI NIOSH Wilayah Sarawak (SWRO):

- i. Lawatan ke tapak projek pejabat Baharu NIOSH Bintulu.
- ii. Lawatan ke lot tanah cadangan Kampus NIOSH Bintulu.
- iii. Lawatan ke pejabat NIOSH SWRO (Bintulu, Miri dan Kuching) meninjau kemudahan dan fasiliti latihan serta sesi ramah mesra dan suai kenal dengan kakitangan.
- iv. Kunjungan hormat ke pejabat Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing merangkap Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak.
- v. Majlis sidang media bersama YB Datuk Pengurus NIOSH dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak.

AKTIVITI DI NIOSH Wilayah Sabah & Persekutuan Labuan (SBRO):

- i. Majlis makan malam bersama pelanggan dan rakan niaga
- ii. Lawatan ke Ria Solutions (M) Sdn Bhd
- iii. Lawatan ke pejabat NIOSH SBRO (Labuan dan Kota Kinabalu) meninjau kemudahan dan fasiliti latihan serta sesi ramah mesra dan suai kenal dengan kakitangan.

Mohamad Anizan Mohammed Amin

Pakar Teknikal III

Jabatan Pendidikan, Latihan & Pejabat Wilayah (Sabah & Sarawak) NIOSH Malaysia

KERAJAAN SARAWAK BEKERJASAMA DENGAN NIOSH JALANKAN AKTIVITI NYAH CEMAR KE ATAS KAPAL BERLABUH

KUCHING: 27 Jun 2020 - Kerajaan Sarawak bekerjasama dengan Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) untuk menjalankan aktiviti nyah cemar ke atas kapal-kapal yang berlabuh di Sarawak.

Aktiviti nyah cemar penting bagi memastikan barang yang dihantar melalui pengangkutan laut bebas daripada ancaman wabak COVID-19. Wabak COVID-19 ini tidak semestinya berakhir dalam masa terdekat. Oleh itu, kita perlu mengambil langkah waspada bagi mencegah ia daripada menular melalui pengangkutan laut. Selepas menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi NIOSH Malaysia, Datuk Wilson Ugak Kumbong serta beberapa ahli eksekutif NIOSH yang lain di pejabat Tan Sri Amar Dr. James Jemut Masing, Timbalan Ketua Menteri Sarawak. Sementara itu, Tan Sri James Masing yang juga merupakan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak berbincang dengan NIOSH untuk menujuhkan sebuah lagi cawangan di Kapit.

Memandangkan pada masa sekarang terdapat pelbagai aktiviti pembangunan yang giat dijalankan di Kapit, para pekerja perlu diberi latihan bagi meningkatkan lagi pengetahuan mereka dari segi keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini termasuk sekira 3,500 pekerja yang terlibat dalam pembinaan Empangan Baleh. Turut hadir semasa kunjungan hormat tersebut ialah Timbalan Pengerusi NIOSH Malaysia, Dato T. Mohan, Pengarah Eksekutif NIOSH Malaysia, Ayop Salleh, serta Setiausaha Eksekutif NIOSH Malaysia, Mejar (B) Hanif Maidin.



MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DENGAN DUA SYARIKAT DARI SEKTOR KAWALAN KAWALAN KESELAMATAN DNS SECURITY SDN. BHD. DAN PSA ASIA SDN. BHD.

Bandar Baru Bangi: 3 Julai 2020 - Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan dua syarikat dari sektor kawalan kawalan keselamatan iaitu DNS Security Sdn. Bhd. dan PSA Asia Sdn. Bhd.

Kerjasama strategik ini adalah untuk NIOSH memberikan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) kepada penyelia pengawal keselamatan yang bekerja dengan syarikat tersebut. Usaha ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas KKP, konsep pencegahan kemalangan dan pertolongan cemas kepada penyelia pengawal keselamatan. Kerjasama strategik ini akan memberikan nilai tambah kepada pengawal keselamatan sebagai *frontliners* sesebuah organisasi.

Inisiatif kolaborasi ini juga akan dapat menaikkan imej pengawal keselamatan yang bukan hanya menjadi pengawal kepada aspek keselamatan harta benda atau ancaman jenayah semata-mata tetapi juga berupaya untuk berperanan di dalam pengurusan bahaya dan risiko kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Majlis tandatangan MOU ini turut dihadiri oleh Naib Pengerusi NIOSH, YB Senator Datuk T.Mohan, Pengurusan NIOSH diwakili oleh Mejar (B). Hj Hanif Maidin, DNS Security Sdn Bhd diwakili oleh Mohd Jailani Bin Dawood Ibrahim, dan Dato Patrick Ong mewakili PSA Asia Sdn. Bhd.



SEMINAR NIOSH SECARA ATAS TALIAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) 2020

NIOSH membawa perkongsian atas talian secara ‘live streaming’ seminar atas talian (Online Seminar) khas buat anda yang terus komited membantu dan bekerjasama dalam usaha memutuskan rantai wabak COVID-19 di Malaysia. Pada 30 Jun 2020 (Selasa) Bahagian Komunikasi Strategik Latihan (TSCD), menganjurkan siri seminar bertajuk *Best Practices in OSH Implementation* yang disampaikan oleh Hj. Amirrudin Bin Abdul Aziz, Pakar Teknikal NIOSH yang bersiaran pada pukul 3.00-4.00 petang.



Pada 1 Julai 2020 (Rabu) jam 8.30 - 9.30 malam, berlangsung seminar secara atas talian di NIOSH Facebook bertajuk *Work Life Balance* yang disampaikan oleh Ahmad Syazrin Muhammad, Pegawai Teknikal Occupational Health Laboratory - OHD, NIOSH.

Anda bakal menduduki peperiksaan Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) yang buat pertama kali dijadualkan setelah lama tertangguh oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac yang lalu. Perancangan yang sangat rapi amat diperlukan bagi melancarkan persediaan anda untuk menghadapi peperiksaan SHO (kertas 1-4) yang akan datang.

Pemahaman apa yang dihafal/dipelajari semasa-mata tanpa teknik menjawab yang bagus juga boleh memberi kesan kepada ‘kecemerlangan’ anda untuk menyelesaikan soalan-soalan peperiksaan dengan baik. Sertai NIOSH dalam Seminar Khas bertajuk “Persediaan Peperiksaan SHO (Kertas 1 Hingga 3)” yang disampaikan oleh Ahmad Aizuddin Ahmad Ridzwan iaitu NIOSH SHO Trainer pada 11 Julai 2020 (Sabtu) pada jam 10.00 pagi – 12.30 tengah hari melalui platform video conferencing : Jitsi Meet (Jitsi.org).



Pada 21 Julai 2020 (Selasa) NIOSH kembali lagi secara live streaming seminar atas talian (Online Seminar) khas buat anda yang terus komited membantu dan bekerjasama dalam usaha memutuskan rantaian wabak COVID-19 di Malaysia. Seminar edisi malam ini diadakan bertajuk *NIOSH Roles As National Training Institute* yang disampaikan oleh Khairunnizam Mustapa, Pengurus Besar Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah NIOSH. Sertai kami secara live di NIOSH Facebook untuk mengenali lebih mendalam dan lebih rapat mengenai fungsi NIOSH sebagai penyumbang kepada KKP di Malaysia.

Semoga program yang dijalankan ini dapat memberi manfaat berguna kepada masyarakat disamping dapat mengetahui lebih mendalam dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) melalui sesi perkongsian ilmu pengetahuan oleh tenaga pengajar NIOSH yang berpengalaman sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Seminar yang dianjurkan boleh layari secara live di <https://www.facebook.com/nioshmalaysia/>

LUANGKAN MASA ANDA, KEKAL BERSAMA NIOSH

#staysafe, #stayhealthy, #staywithNIOSH, #onlineseminar, #NIOSH, #YourOSHpreferredpartner



BUAL BICARA KKP DAN OSH TALK SECARA ATAS TALIAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) 2020

NIOSH membawa perkongsian secara dalam talian di Facebook NIOSH (FB Live), Program Bual Bicara KKP yang berlangsung pada 14 Julai 2020 (Selasa) jam 11 pagi. Program yang dibincangkan pada pagi itu tajuk "Peranan NIOSH di dalam membina modal insan KKP". Panel jemputan Bual Bicara pada pagi itu ialah Khairunnizam bin Mustapa, Pengurus Besar Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH. Panel kedua pula ialah Ruzita binti Mohd Shariff iaitu Pakar Teknikal Jabatan Latihan dan Pendidikan (ETD) NIOSH.

Bila kita berbicara berkaitan MODAL INSAN (HUMAN CAPITAL) ia merujuk kepada pelaburan dalam manusia seperti pendidikan dan latihan yang mana pelaburan ini boleh meningkatkan produktiviti individu. Modal insan juga boleh ditakrifkan sebagai ciri-ciri yang boleh dimiliki oleh pekerja yang menyebabkan mereka lebih produktif.

Pada 16 Julai 2020 (Khamis), NIOSH membawa perkongsian secara atas talian OSH Talk di Facebook NIOSH (FB Live). OSH Talk ini berlangsung pada jam 11.00 pagi – 1.00 tengah hari yang disampaikan oleh Syerlyn Voon Chei Ling, Application Engineering Specialist Personal Safety Division, 3M Malaysia Sdn Bhd. Topik yang dibincarkan pada pagi tersebut bertajuk *Noise risk reduction with effective hearing conversation program*.

NIOSH juga membawa perkongsian secara atas talian OSH Talk di Facebook NIOSH (FB Live). OSH Talk ini berlangsung pada 28 Julai 2020 (Selasa)



Masa kini kita juga dapat lihat bahawa peranan modal insan menjadi semakin penting kerana keadaan ekonomi semasa yang banyak bergantung kepada modal manusia yang memiliki ilmu dan kemahiran yang tinggi


Kita juga tahu kejayaan sesbuah organisasi dikatakan bergantung kepada kualiti modal insan yang dimiliki

oleh warganya baik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Tanpa modal insan berkualiti, inisiatif baru dalam aspek pembangunan keselamatan dan kesihatan pekerjaan tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh kerana faktor penggerak yang lemah iaitu faktor manusia.



jam 11.00 pagi. Topik yang dibincarkan ialah *Aging Issue at the workplace: How to handle* yang disampaikan oleh Siti Faeza Yani Jumat Eksekutif di Bahagian Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD), NIOSH.

Semoga OSH Talk yang dijalankan ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada masyarakat disamping dapat mengetahui lebih mendalam dalam bidang Keselamatan dan



Kesihatan Pekerjaan (KKP) melalui sesi perkongsian ilmu pengetahuan oleh tenaga pengajar yang berpengalaman sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini.

Sertai kami di <https://www.facebook.com/nioshmalaysia>.

#staysafe, #stayhealthy



KUNJUNGAN HORMAT NIOSH KE PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)

Kuala Lumpur: 16 Julai 2020 - National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) diketuai oleh YB Datuk Wilson Ugak Kumbong, Pengerusi NIOSH mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg Dato' Nelson Renganathan, Pengerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk berbincang berkaitan kerjasama antara kedua-dua agensi Kementerian Sumber Manusia (KSM) melibatkan program-program pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja khususnya melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Kolaborasi strategik ini juga memfokuskan inisiatif kerajaan melalui PENJANA yang bertujuan untuk membantu pihak industri khususnya majikan dan pekerja di dalam merancakkan semula

aktiviti ekonomi di pelbagai sektor industri. Ini selaras dengan hasrat pihak kementerian dan kerajaan di dalam menangani kesan dan impak pandemik COVID-19.

Kerjasama bersepada juga telah dirangka bagi memberikan manfaat kepada golongan penganggur, golongan berpendapatan rendah, Orang Asli, Orang Asal dan golongan belia di dalam usaha memberikan mereka ruang kerjaya melalui kaedah upskilling, reskilling dan cross-skilling.

Kunjungan hormat ini juga turut dihadiri oleh YB Senator Datuk T. Mohan, Naib Pengerusi NIOSH; YBrs En. Shahul Hameed Dawood, Ketua Eksekutif PSMB; Tuan Haji Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan pegawai-pegawai dari kedua-dua organisasi.



NIOSH TURUT SAMA MENJAYAKAN KARNIVAL PENJANA KERJAYA YANG DIANJURKAN OLEH PERKESO

**KARNIVAL PENJANA KERJAYA
PERKESO PERAK 2020**

25 JULAI 2020 9.00 pagi - 4.30 petang

**ARENA MERDEKA TAPAH,
TAPAH, PERAK**

Nota:
Para calon yang menghadiri temuduga ini perlu mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihran (PKPP) sepanjang Karnival ini dijalankan supaya keselamatan semua pihak yang terlibat terjaga.

MYFutureJobs
Your National Employment Services Provider

LEBIH 6000 KEGIATAN KERJA
KLINIK RESUME
KAUNSELING KERJAYA
PENGIBARAN MAJIKAN DARI PELBAGAI SEKTOR
TERBUKA KEPADA SEMUA GOLONGAN
TAKIMAT PENJANABIG

EIS
EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM

@EISPERKESO #MYFUTUREJOBS

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi
019-280 7530 (En. Shahir) atau 019-279 1780 (Cik Priya)

Tapah, Perak: 25 Julai 2020 - NIOSH turut sama menjayakan Karnival Penjana Kerjaya yang dianjurkan oleh PERKESO. Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia. Lebih 7,000 jawatan kosong ditawarkan dan lebih 20 majikan yang menyertai karnival ini.

Hadir sama YBhg. Dato' Jamil bin Rakon, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia; YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO; YB Senator Datuk T. Mohan, Timbalan Pengerusi NIOSH; YBhg. Tuan Shahruh Affendi Baharudin, YDP Majlis Daerah Tapah; dan Pengurusan Tertinggi Kementerian Sumber Manusia. Turut hadir ialah Tuan Hj Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan kakitangan NIOSH dari Pejabat Manjung.

Aktiviti perkhidmatan pekerjaan lain turut disediakan bagi membantu pencari kerja;

1. Mendapatkan kaunseling kerjaya
2. Menyediakan resume untuk temuduga
3. Meningkatkan skil kebolehpekerjaan
4. Berdaftar dengan portal pekerjaan MYFutureJobs
5. Mendapatkan maklumat terkini program PenjanaKerjaya dan PenjanaGig.
6. Mendapatkan maklumat latihan
7. Program Saringan Kesihatan (HSP) percuma.

Ini merupakan salah satu inisiatif pihak Kerajaan dalam membantu rakyat yang terkesan daripada pandemik COVID-19 di samping mengurangkan kadar pengangguran negara. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak, PERKESO dan PENJANA.





**DML
EDITION**

JULY 2020

FACE MASK & CARBON DIOXIDE



No, Face Masks Can't Cause CO2 Poisoning

Coronavirus: 'Deadly masks' claims debunked

This Myth About Carbon Dioxide And Masks Is Similar To A Debunked Claim About Climate Change

Marshall Shepherd Senior Contributor Science

Coronavirus is still with us, and case numbers are spiking in many places. Ironically, many politicians and decision-makers are now promoting advice that medical experts and scientists have long been giving: Wear a face mask. My Forbes colleague Sarah Hansen wrote that a national mask policy could save the U.S. economy \$1 trillion. It still baffles me that there has been political maneuvering or angst about doing something even simple to help stem the tide of

TRUE or FALSE?


SPECULATIONS!!

Wearing a mask can result in the user inhaling back the carbon dioxide that is released when they breathe. It is said that this will make user

SICK,


can even cause **DEATH.**

or



Many experts and organizations

begin to **DENY** all of those speculations. This should only be a concern for people who have impaired breathing problems.



Carbon dioxide rig – carbon dioxide analyser, breathing machine and dummy head

The test is known as..

CARBON DIOXIDE (CO₂) CONTENT

- To know the CO₂ content inside a face mask during breathing
- A face mask is mounted on the dummy head
- After a 5.0% CO₂ is supplied, only 1.0% of CO₂ should be left inside the face mask
- If more than 1.0%, the face mask is considered not complying to the Malaysian Standard MS2323:2010

Disclaimer

©Copyright 2020. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All rights reserved. No part of this publication can be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.

INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA (NIOSH)

Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8769 2100 Fax: 03-8926 5655

www.niosh.com.my

